

# SIARAN MEDIA

## Untuk Siaran Segera



### BANK ISLAM SEDIA KHIDMAT PENGURUSAN TUNAI MENYELURUH KEPADA UNIMAP

*Turut menyumbang RM30,000 kepada Tabung Zakat UniMAP*

**PAUH PUTRA, PERLIS, Ahad [8 Ogos 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama Universiti Malaysia Perlis ("UniMAP") bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan tunai secara menyeluruh dalam urusan pentadbiran kewangan institusi pengajian tinggi berkenaan. Pemeteraihan perjanjian tersebut telah diadakan di Dewan Senat, Bangunan Canselor, kampus UniMAP baru-baru ini.

Menerusi kerjasama ini, Bank Islam juga berperanan menjadi peneraju kepada kaedah pembayaran tanpa tunai bagi mewujudkan komuniti tanpa tunai (*cashless society*), selain memberi pendedahan berterusan kepada masyarakat mengenai kaedah pembayaran secara digital. Ini termasuk penyediaan pelbagai solusi berteknologi di bawah portfolio perniagaannya. Usaha sama ini turut membolehkan peluasan penggunaan kad debit Bank Islam dalam kalangan kakitangan dan pelajar UniMAP.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, sementara UniMAP diwakili oleh Naib Canselornya, Prof Ir. Dr. R Badlishah Ahmad. Mencemar duli menyaksikan majlis berkenaan, Tuanku Canselor UniMAP, Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Tuanku Pro Canselor, Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Mohd Muazzam berkata "Bank Islam amat berbesar hati kerana diberi kepercayaan untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan tunai menyeluruh kepada UniMAP. Sebagai sebuah Bank yang menyediakan penyelesaian yang menghasilkan nilai, kami sentiasa berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan patuh Syariah terbaik dan berinovasi serta menawarkan nilai tambah bagi memenuhi keperluan warga universiti ini."

Pada majlis yang sama, Bank Islam turut menyumbang wang zakat berjumlah RM30,000 kepada UniMAP untuk disalurkan kepada pelajar-pelajar yang layak menerusi Tabung Zakat UniMAP di bawah kendalian Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA).

Mohd Muazzam menambah, "Penularan COVID-19 memberikan impak negatif terhadap kehidupan dan sumber pendapatan segenap masyarakat. Lantas, Bank Islam berusaha dalam mempercepatkan dan meningkatkan lagi sumbangan zakat tahun ini agar ia dapat mengurangkan beban yang dialami pelajar dalam meneruskan pengajian mereka. Semoga dana zakat ini dimanfaatkan sebaik mungkin dan membentuk insan berilmu serta cemerlang yang akan menyumbang terhadap kemakmuran negara pada masa hadapan."

Pada tahun 2019, Bank Islam menyumbangkan RM20,000 kepada Tabung Zakat UniMAP demi manfaat pelajar institusi pengajian berkenaan.

Sementara itu, Dr. R Badlishah pula berkata "UniMAP amat berbesar hati kerana tersenarai antara penerima sumbangan zakat Bank Islam yang sememangnya sudah terkenal sebagai institusi kewangan Islam yang kukuh di negara ini. Sumbangan zakat seperti ini menggambarkan komitmen berterusan pihak Bank Islam kepada bidang pendidikan kerana ia merupakan nadi penggerak kepada pembangunan negara. Sumbangan zakat yang diterima ini akan disalurkan kepada pelajar-pelajar UniMAP yang layak."

Tambah beliau, sehingga kini seramai 650 orang pelajar UniMAP telah menerima sumbangan wang zakat yang disalurkan menerusi tabung berkenaan.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	--